LPP(G)5/6 Jld.2 ( 14 )

**ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG**
**BIL. 4 TAHUN 2008**

**PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN**

## 1. Tujuan

Arahan ini dikeluarkan bagi meminda Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bertujuan :

a. Memansuhkan ketetapan pembayaran yuran tahunan ahli NAFAS;

b. Memperjelaskan beberapa perkara dalam Perlembagaan NAFAS bagi memantapkan kecekapan serta keberkesanan pentadbiran NAFAS.

## 2. Latar Belakang

2.1. Melalui Arahan Pendaftar Bil 3 Tahun 2008, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) telah diarahkan meminda Perlembagaan masing-masing yang mana di antaranya kewajiban ahli membayar yuran tahunan telah dimansuhkan.

2.2. Pada masa ini, penetapan bayaran yuran tahunan oleh PPN kepada NAFAS dibuat berasaskan kutipan yuran tahunan yang diterima PPN dari PPK. Memandangkan penetapan bayaran yuran tahunan ahli PPN telah dimansuhkan, maka adalah wajar penetapan bayaran yuran tahunan PPN kepada NAFAS turut dimansuhkan.

2.3. Dari segi pemilikan saham pula, Perlembagaan NAFAS ketika ini telah menetapkan selain mengkehendaki ahli (PPN) memiliki saham minima, ahli juga diwajibkan menambah saham masing-masing setiap tahun.

2.4. Kegagalan ahli (PPN) mematuhi perlembagaan seperti dinyatakan pada para 2.3 boleh menyebabkan status keahlian mereka boleh dipertikaikan.

2.5. Terdapat juga perkara-perkara dalam Perlembagaan NAFAS yang masih kurang jelas dan mungkin menjejaskan perjalanan pentadbiran NAFAS di antaranya seperti penjelasan berkaitan tugas Pengerusi, proses menggugurkan jawatan Pengerusi, tempat mengadakan mesyuarat, lantikan Pengurus Besar, tandatangan cek dan mengadakan kumpulanwang.

2.6. Berdasarkan perkara-perkara yang dinyatakan pada para 2.2 hingga 2.6, Pendaftar berpendapat wajar Perlembagaan NAFAS dipinda.

## 3. Punca Dan Had Kuasa

Arahan ini dibuat di bawah Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 berikut :

3.1. Peraturan 54(7) Jika Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu pindaan adalah perlu, Pendaftar boleh meminta Pertubuhan Peladang itu untuk meminda perlembagaannya dengan sewajarnya dan boleh menetapkan tempoh dalam mana pindaan tersebut mesti dibuat; dan jika, setelah tamat tempoh yang ditetapkan itu, tiada pindaan yang telah dibuat, Pendaftar hendaklah mendaftarkan pindaan itu dan dengan itu perlembagaan itu hendaklah disifatkan telah dipinda dengan sewajarnya.

3.2. Peraturan 85 Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini.

**4. Keputusan**

**4.1.** Dengan ini diputuskan pindaan Perlembagaan NAFAS yang terlibat adalah seperti berikut :

| | | |
|---|---|---|
| **a.** | Perkara 3 | - Kawasan Pengendalian |
| **b.** | Perkara 12 | - Hak dan Kewajipan |
| **c.** | Perkara 20(ii) dan (iii) | - Pegangan saham ahli |
| **d.** | Perkara 26 | - Yuran Tahunan |
| **e.** | Perkara 27(i), (ii) dan (iii) | - Penggantungan hak ahli |
| **f.** | Perkara 28 | - Yuran tidak dikembalikan |
| **g.** | Perkara 33 | - Mesyuarat Agung Tahunan |
| **h.** | Perkara 43(iii) | - Lantikan Pengerusi |
| **i.** | Perkara 44(iv) | - Tugas-tugas Pengerusi |
| **j.** | Perkara 54(i) | - Pengurus Besar |
| **k.** | Perkara 57 | - Penyelengaraan Kira-Kira |
| **l.** | Perkara 64(ii)(d) | - Pembahagian Keuntungan |

**4.2.** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) diarahkan meminda Perlembagaan bagi perkara-perkara pada para 4.1 seperti mana mengikut **Lampiran A**

**4.3.** Pindaan-pindaan ini hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan sebagai makluman kepada perwakilan.

**5 Tarikh Kuatkuasa**

Arahan ini berkuatkuasa mulai **Tiga** Haribulan **Jun** Tahun **Dua Ribu Lapan**

**(DATO' HAJI ABD. RAHIM BIN HAJI AHMAD)**
Pendaftar
Pertubuhan Peladang

**Lampiran A**

## CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN

| Bil. | Perlembagaan Asal | Pindaan | Rasional |
|---|---|---|---|
| 1 | Perkara 3<br>Kawasan Pengendalian<br><br>Kawasan pengendalian Pertubuhan ini adalah meliputi seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. | Perkara 3<br>Kawasan Pengendalian<br><br>Kawasan pengendalian Pertubuhan ini adalah meliputi seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. ***Semua Mesyuarat Pertubuhan hendaklah diadakan dalam kawasan pengendalian ini.*** | Mengelakkan dari PP menjalankan Mesyuarat di luar kawasan pengendalian yang akan melibatkan pembaziran wang. |
| 2 | Perkara 12<br>Hak dan Kewajipan<br><br>Ahli-ahli tidak boleh menjalankan hak-haknya sehingga mereka telah membayar bayaran masuk dan harga satu saham Pertubuhan ini atau memperolehi apa-apa kepentingan di dalam Pertubuhan ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan atau Perlembagaan Pertubuhan ini. | Perkara 12<br>Hak dan Kewajipan<br><br>Ahli-ahli tidak boleh menjalankan hak-haknya sehingga mereka telah membayar bayaran masuk dan harga **saham seperti ditetapkan Perkara 20(i) Perlembagaan** Pertubuhan ini atau memperolehi apa-apa kepentingan di dalam Pertubuhan ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan atau Perlembagaan Pertubuhan ini. | Menetapkan suatu nilai minimum yang membolehkan ahli menjalankan hak-haknya. |

| Bil. | Perlembagaan Asal | Pindaan | Rasional |
|---|---|---|---|
| 3 | Perkara 20<br>Pegangan saham oleh ahli-ahli<br><br>(ii) Tiap-tiap ahli hendaklah menambah saham-sahamnya pada tiap-tiap tahun tidak kurang dari …….. saham yang berharga **RM**……… tiap-tiap satu.<br><br>(iii) Harga saham-saham itu bolehlah dibayar sekaligus atau beransur-ansur pada tiap-tiap bulan dan diselesaikan sebelum akhir tahun kewangan Pertubuhan ini, iaitu 31hb. Disember. | Perkara 20<br>Pegangan saham oleh ahli-ahli<br>Perkara 20(i) dimansuhkan dan digantikan dengan<br><br>(ii) ***Tiap-tiap ahli boleh menambah saham-sahamnya dari masa ke semasa.***<br><br>Perkara 20(iii)<br>***DIMANSUHKAN*** | Mengelakkan syarat ini menjadi penghalang kepada kelayakan ahli dalam menjalankan hak-haknya.<br><br>Penambahan saham adalah tertakluk kepada keperluan semasa PP untuk modal dalaman bagi menjalankan aktiviti ekonominya |
| 4 | Perkara 26<br>Yuran Tahunan<br>Yuran tahunan tiap-tiap ahli hendaklah separuh atau 50% daripada jumlah yuran yang sepatutnya diperolehi oleh sesebuah Pertubuhan Peladang Negeri bagi satu-satu tahun. | Perkara 26<br>Yuran Tahunan<br>***DIMANSUHKAN*** | Pemansuhan ini ialah ekoran daripada Pemansuhan Yuran Tahunan sebagaimana Arahan Pendaftar PP Bil. 3 Tahun 2008 mengenai pindaan Perlembagaan PPN |
| 5 | Perkara 27(i)(ii) dan (iii)<br>Pengantungan hak ahli jika yuran tidak dibayar<br><br>(i) Jika sesuatu ahli tidak membayar yuran tahunannya dalam tempoh yang ditentukan mengikut perkara 26 Perlembagaan ini, ahli itu akan digantungkan keahliannya dan akan hilang segala kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan sebagai ahli; | Perkara 27(i)(ii) dan (iii)<br>Pengantungan hak ahli jika yuran tidak dibayar<br><br>***DIMANSUHKAN*** | Pemansuhan ini ialah ekoran daripada Pemansuhan Yuran Tahunan sebagaimana Arahan Pendaftar PP Bil. 3 Tahun 2008 mengenai pindaan Perlembagaan PPN |

| Bil. | Perlembagaan Asal | Pindaan | Rasional |
|---|---|---|---|
| | (ii) Sesuatu ahli yang telah digantungkan keahliannya bolehlah diterima semula jika ia menjelaskan yuran tahunannya bagi tahun ini. Tetapi tidaklah boleh menuntut untuk menjalankan sebarang kuasa atau kewajipannya yang telah hilang dalam masa penggantungan itu;<br><br>(iii) Walauapapun peruntukan yang terkandung dalam perkara 27(i) Perlembagaan ini, mana- mana wakil atau Pengarah tidaklah tergantung dari memegang jawatan atau menjalankan apa-apa kuasa jawatan itu oleh kerana kegagalan ahli berkenaan membayar satu yuran tahunan. | ***DIMANSUHKAN***<br><br>***DIMANSUHKAN*** | |
| 6 | Perkara 28<br>Yuran-Yuran Tidak Dikembalikan<br><br>Yuran-Yuran tidak akan dikembalikan kepada ahli-ahli dan bolehlah digunakan untuk mengembangkan usaha-usaha pendidikan pelajaran,perkembangan dan sebagainya bagi faedah ahli-ahli. | Perkara 28<br>Yuran-Yuran Tidak Dikembalikan<br><br>***DIMANSUHKAN*** | Pemansuhan ini ialah ekoran daripada Pemansuhan Yuran Tahunan sebagaimana Arahan Pendaftar PP Bil. 3 Tahun 2008 mengenai pindaan Perlembagaan PPN |
| 7. | Perkara 33<br>Mesyuarat Agung Tahunan<br><br>Tarikh dan tempat untuk diadakan sebarang Mesyuarat Agung itu hendaklah ditentukan oleh Jemaah Pengarah dengan syarat Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan ini hendaklah diadakan tidak lewat dari 30hb. November tiap-tiap tahun; | Perkara 33<br>Mesyuarat Agung Tahunan<br><br>Tarikh dan tempat untuk diadakan sebarang Mesyuarat Agung itu hendaklah ditentukan oleh Jemaah Pengarah dengan syarat Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan ini ***hendaklah diadakan dalam kawasan pengendalian*** dan diadakan tidak lewat dari 30hb. November tiap-tiap tahun; | Mengelakkan daripada pembaziran Mesyuarat Agung diadakan diluar kawasan pengendalian |

| Bil. | Perlembagaan Asal | Pindaan | Rasional |
|---|---|---|---|
| 8 | Perkara 43(iii)<br>Lantikan Pengerusi<br><br>Tiada peruntukan | Perkara 43 (iii)<br>Lantikan Pengerusi<br><br>***Tiada mana-mana Pengerusi Jemaah Pengarah boleh digugurkan dari jawatannya melainkan telah dirujuk terlebih dahulu kepada Pendaftar*** | Membolehkan Pendaftar memberi panduan dari sudut pemecatan yang tidak melanggar prosedur |
| 9 | Perkara 44(iv)<br>Tugas Pengerusi<br><br>Tiada peruntukan | Perkara 44(iv)<br>Tugas Pengerusi<br><br>***Semasa ketiadaan Pengerusi dalam suatu tempoh 30 hari atau lebih atau atas sebab tidak berada dalam kawasan, kesihatan atau ketidakupayaan sementara bagi menjalankan tugas Pengerusi, Mesyuarat Jemaah Pengarah hendaklah memilih seorang Ahli Jemaah Pengarah bagi memangku tugas-tugas dan menjalankan tugas-tugas Pengerusi sehingga Pengerusi kembali atau pulih dari ketidakupayaannya.*** | Memudahkan perjalanan pentadbiran PP semasa ketiadaan Pengerusi dan perlantikan pemangku pengerusi dapat dijalankan dengan lebih teratur. |
| 10 | Perkara 54(i)<br>Pengurus Besar<br><br>(i) Sekiranya Lembaga tidak menempatkan atau meminjamkan Pengurus Besar dari masa ke semasa, Jemaah Pengarah bolehlah melantik dan memberhentikan Pengurus Besar bagi Pertubuhan ini dengan syarat-syarat yang tertentu mengenai tempoh perkhidmatan, gaji,kuasa,kerja-kerja,elaun-elaun dan lain-lain kemudahan yang difikirkan patut. Jemaah Pengarah bolehlah dari masa ke semasa meminda syarat-syarat mengenai lantikan Pengurus Besar ini dengan syarat tidaklah diberi kepada Pengurus Besar itu kuasa dan | Perkara 54(i)<br>Pengurus Besar<br><br>Sekiranya Lembaga tidak menempatkan atau meminjamkan Pengurus Besar dari masa ke semasa Jemaah Pengarah ***dengan kelulusan Pendaftar*** bolehlah melantik dan memberhentikan Pengurus Besar bagi Pertubuhan ini dengan syarat-syarat yang tertentu mengenai tempoh perkhidmatan, gaji,kuasa kerja-kerja, elaun dan lain-lain kemudahan yang difikirkan patut. Jemaah Pengarah ***dengan kelulusan Pendaftar*** bolehlah dari masa ke semasa meminda syarat-syarat mengenai lantikan Pengurus Besar ini dengan syarat tidaklah diberi kepada Pengurus Besar itu | Mengadakan peruntukan bagi Lembaga Pertubuhan Peladang menempatkan atau meminjamkan Pengurus Besar masing-masing di PP. Sekiranya Lembaga tidak berbuat kemudian, pertimbangan Kelulusan Pendaftar hedaklah diperolehi terlebih dahulu oleh Jemaah Pengarah PP. |

| Bil. | Perlembagaan Asal | Pindaan | Rasional |
|---|---|---|---|
| | kerja-kerja yang mana Jemaah Pengarah sendiri tidak dibenarkan menjalankan ; | kuasa dan kerja-kerja yang mana Jemaah Pengarah sendiri tidak dibenarkan menjalankan; | |
| 11 | Perkara 57<br>Penyelenggaraan Kira-Kira<br><br>Kira-kira wang Pertubuhan ini hendaklah diselenggarakan oleh Pengerusi Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah dari masa ke semasa.<br><br>Tiada peruntukan | Perkara 57<br>Penyelenggaraan Kira-Kira<br><br>(i) Kira-kira wang Pertubuhan ini hendaklah diselenggarakan oleh Pengerusi Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah dari masa ke semasa.<br><br>***(ii) Cek Pertubuhan ini hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah atau dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa dengan kelulusan Pendaftar*** | Untuk memberi kemudahan kepada PP untuk mempercepatkan proses pembayaran oleh PP tetapi masih dalam kawalan Pendaftar. |
| 12 | Perkara 64(ii)(d)<br>Pembahagian Keuntungan<br><br>Perwujudan dan penyenggaraan sesuatu kumpulan-kumpulanwang kebajikan ; dan | Perkara 64(ii)(d)<br>Pembahagian Keuntungan<br><br>Mengadakan kumpulanwang-kumpulanwang Kebajikan yang dipersetujui ***oleh mesyuarat agung*** dan yang dipersetujui oleh Pendaftar ***atau diarahkan oleh Pendaftar;*** | Untuk memudahkan usaha Pendaftar menubuhkan Kumpulan Wang secara berpusat untuk kepentingan pergerakan PP dan ahli di semua peringkat. |